

# Pelajar terbabit Rufaqa' kena tindakan

**K**UALA LUMPUR: Pelajar atau pensyarah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang dikesan terbabit dalam kegiatan pertubuhan Rufaqa' dikategori melakukan kesalahan serius dan bakal dikenakan tindakan disiplin.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mohd Taib Hashim, berkata setakat ini, pihaknya belum menerima sebarang laporan mengenai kegiatan pelajar atau pensyarah terbabit dalam kumpulan itu yang didakwa cuba menghidupkan semula Al-Arqam yang diwartakan sesat pada 1994.

"Kementerian memandang serius perkara ini dan sentiasa memantau

aktiviti pelajar di dalam kampus termasuk pensyarah. Bagaimanapun, kami tidak mempunyai kuasa di luar kampus dan menyerahkan kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Agama Islam di setiap negeri serta polis.

"Jika kami menerima laporan ada pelajar atau pensyarah yang terbabit dalam aktiviti kumpulan terbabit, tindakan disiplin akan diambil ke atas mereka," katanya selepas mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Mohamed, merasmikan seminar e-pembelajaran anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Dr Mohd Taib berkata, semua naib canselor IPTA diminta mengawasi pergerakan pelajar dan pensyarah me-

reka supaya tidak terbabit dalam ajaran sesat.

Kumpulan Rufaqa' yang diketuai Ashaari Muhammad, yang pernah mengetuai kumpulan Al-Arqam, dilaporkan giat mencari anggota baru dan menjadikan sebuah kawasan di Negeri Sembilan sebagai markasnya.

Setakat ini, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka mengharamkan aktiviti Rufaqa' dan negeri lain dijangka mengambil tindakan sama.

Kelmarin, Universiti Teknologi Mara (UiTM) sudah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua pengarah kampus dan ketua jabatan supaya memberi laporan sekiranya ada pelajarinya terbabit dalam pergerakan Al-Arqam.